

Headline	BALASAN TUHAN BUATKU		
MediaTitle	Remaja		
Date	30 Jun 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	76,315
Page No	74	Readership	181,318
Language	Malay	ArticleSize	577 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,996
Frequency	Fortnight	PR Value	RM 14,988



• TEKS: M. SHAHIR ABDUL RAHIM • GRAFIK: NOR

ISU

Serotan gaya si kakak pantas menggoda, pasti memanah jiwanya lara. Tatkala rasa diri cukup sempurna, jejak ini tidak lagi mengenali erti cinta, sebaliknya hanya kepuasan nafsu yang dicarinya. Hayati kisah hidup Hizam, remaja malang yang kini menanggung duka akibat kisah silam yang menghumban dirinya ke lembah sengsara sehingga memberi kesan buat dirinya dan penulis.

Dilahirkan dalam keluarga yang sering berbalah membuatkan Hizam kerap diabaikan keluarganya. Tidak kisahlah apa yang dilakukannya, selalu sahaja tidak dibantah. Anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini dilahirkan cukup sempurna, memiliki rupa paras yang kakak bak putera raja dan limpahan kemewahan menambah kesenangan dirinya menabur wang ringgit buat gadis yang dahagakan kemewahan.

Pelajar Pintar


Sudahlah kakak, kaya dan popular di kampus sememangnya satu bonus buat Hizam untuk tampil memikat buat siapa yang melihat. Sifatnya yang mudah mesra menambah lagi aura dirinya sehingga dia dicemburui ramai sahabat di samping membuatkan puluhan gadis bertelagah merebut kasihnya.

"Siapa yang tidak bangga apabila sentiasa mendapat perhatian, saya sering menjadi tumpuan di kampus kerana rupa paras yang dianugerahkan. Menambah riak, apabila saya sering mendapat pointer tinggi sepanjang pengajian. Namun ramai yang tidak mengetahui agenda jahat saya kerana meniduri beberapa orang pensyarah demi mengecap kejayaan ini," jelasnya.

Perkenalan Pertama

Setelah tamat pengajian, Hizam berjaya membina kerjaya dengan membuka perniagaan sendiri dalam usia yang terlalu muda. Atas kesibukan tugas pada siang hari, langit malamlah waktu untuknya bersukaria mencari hiburan. Gadis mana yang tidak tergoda melihat gayanya yang macho dengan deruman kereta Mercedes mewah setiap malam. Disebabkan itulah Hizam mudah ditemani pelbagai gadis untuk menghidupkan lagi malamnya sehingga ke kamar. Baginya wanita tiada nilai, sekadar untuk memuaskan nafsunya.

"Suatu hari ibu telah memanggil saya untuk pulang berjumpanya dan memperkenalkan saya dengan seorang gadis bernama Elya untuk dijadikan calon isteri. Saya kurang menggemari cara Elya



"BALASAN TUHAN BUATKU" - Hizam

yang masih mengamalkan gaya hidup ala kampung berbeza dengan corak kehidupan saya yang sukakan kebebasan. Walaupun begitu saya tetap merelakan hati untuk berkenalan dengan Elya secara lebih rapat walaupun saya sendiri tidak menyukainya," ujar Hizam.

Buktikan Cinta

"Perkenalan kami membangkit rasa cinta tanpa disedari. Walaupun Elya mengetahui sifat saya yang kaki perempuan, dia tetap menerima saya seadanya. Suatu malam ketika kami berdua sedang seronok bergembira, saya cuba mengajaknya pulang ke rumah untuk membuktikan cintanya pada saya. Pada mulanya Elya enggan tetapi setelah dipujuk rayu dia mula rebah ke pangkuan saya secara rela.

"Setelah beberapa bulan kami bersama, saya mula berasa bosan sehingga kembali ke tabiat nakal semula. Suatu hari sedang asyik melayan mesra beberapa orang gadis di sebuah kelab malam, saya didatangi Elya dengan wajah yang muram dan mengatakannya telah hamil dua bulan ketika itu.

"Saya membawanya keluar dan menghulurkan sejumlah wang agar dia menggugurkan kandungan tersebut dan mengatakan bahawa cinta saya hanyalah sekadar permainan. Saya juga menamparnya

ketika itu kerana dia enggan berbuat demikian. Setelah itu, barulah Elya beredar dengan lebam di muka," cerita Hizam lagi.

Jangkitan HIV

Beberapa bulan selepas kejadian itu, Hizam mendapati dirinya semakin hari semakin lemah. Dia tidak lagi produktif dalam melaksanakan tugas, malah tidak lagi mampu untuk mencari mangsa. Pada mulanya dia hanya merasakan dirinya demam biasa sahaja, namun setelah berjumpa dengan doktor, Hizam dikhabarkan satu berita yang memusnahkan dirinya iaitu dia disahkan menghidap virus HIV.

"Mungkin ini penyudah kisah buat saya, setelah disahkan HIV saya menangis mengenang kembali dosa yang telah dilakukan selama ini. Segala lambaian dosa pada gadis-gadis ini seperti mentertawakan saya dan segala harta yang telah dibina hanya untuk menanggung kos perubatan sahaja.

"Tapi apakah daya segala-galanya patut saya terima. Walaupun begitu, saya cukup bertuah kerana keluarga dan Elya masih memberi sokongan buat saya untuk meneruskan saki baki hidup ini. Sehebat mana lelaki itu, ingatlah setiap apa yang kita lakukan pasti akan menerima balasan dari Yang Maha Esa," akhirnya sambil menitikkan air mata mengenangkan penyudah nasibnya nanti. ❦